

|            |                               |             |                     |
|------------|-------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | SPNB ikonik rumah mampu milik |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian                  |             |                     |
| Date       | 21 Aug 2017                   | Color       | Full Color          |
| Section    | Bisnes                        | Circulation | 160,000             |
| Page No    | L1                            | Readership  | 509,000             |
| Language   | Malay                         | ArticleSize | 697 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Perdana Azalea                | AdValue     | RM 11,889           |
| Frequency  | Daily                         | PR Value    | RM 35,667           |



Perdana Azalea

Sebagai pemaju perumahan dimiliki kerajaan, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bertanggungjawab menyediakan kediaman mampu dimiliki dan selesa untuk semua golongan masyarakat yang memerlukan. Amanah ini digalas oleh SPNB sejak dari hari pertama ia ditubuhkan iaitu pada 21 Ogos 1997 dengan objektif utama menyediakan rumah mampu milik berkualiti dan mampan kepada setiap keluarga di Malaysia sejajar dengan Objektif Perumahan Negara.

Setelah 20 tahun ditubuhkan, SPNB telah menyiapkan hampir 93,000 unit rumah dari pelbagai kategori yang mana 62,000 daripadanya ialah rumah mampu milik di seluruh Malaysia. Ini bermakna, hampir 465,000 rakyat Malaysia telah berjaya menaik taraf kehidupan melalui perumahan SPNB.

Selain itu, SPNB juga membuka peluang pekerja kepada lebih 5,000 kontraktor kelas G1 hingga G7 di seluruh negara. Lebih 150 firma guaman bumiputera turut menikmati limpahan ekonomi dan 150 pembekal hardware Bumiputera juga berpeluang meningkatkan perniagaan apabila dilantik sebagai pembekal bahan binaan projek oleh SPNB Edar Sdn Bhd.

SPNB bermula dengan pembinaan perumahan rakyat kepada golongan yang berpendapatan rendah, seterusnya diberi kepercayaan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memulihkan projek-projek perumahan terbengkalai yang ditinggalkan oleh pemaju-pemaju swasta di seluruh negara. Sebanyak 28,031 unit yang merangkumi 90 projek telah berjaya dipulihkan oleh SPNB.

Pada tahun yang sama, SPNB mula membangunkan 6,550 perumahan anggota tentera dan kakitangan awam (kuarters) di 10 Kem Angkatan Tentera melalui usaha sama dengan Lembaga Tabung Angkatan Tentera. SPNB melalui anak syarikat USL telah dilantik sebagai Kontraktor Reka & Bina.

Pada 2002, SPNB memulakan program rumah mesra rakyat yang dikenali sebagai Skim Rumah Keluarga Nelayan bagi membantu golongan nelayan yang mempunyai tanah untuk membina rumah mereka. Kini, program tersebut dikenali sebagai Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) dan sangat popular di seluruh negara. Sehingga kini, lebih dari 37,000 unit RMR1M berjaya disiapkan.

Pada tahun 2014, Kumpulan SPNB

SPNB kini diterajui Pengerusinya, Datuk Dr Abdul Latif Ahmad akan memastikan penyediaan rumah mampu milik berkualiti dan mampan sejajar dengan Objektif Perumahan Negara.

membuat transformasi perniagaan untuk memperkukuhkan strategi perniagaan atas saranan PWC (PricewaterhouseCoopers), perunding yang dilantik. Enam anak syarikat iaitu SPNB Aspirasi Sdn Bhd, SPNB Idaman Sdn Bhd, SPNB Mesra Sdn Bhd, SPNB Edar Sdn Bhd, SPNB Dana Sdn Bhd dan USL diperkasakan untuk merealisasikan transformasi ini agar Kumpulan SPNB lebih fokus di dalam penyampaian visi dan misi syarikat.

SPNB kini diterajui Pengerusinya, Datuk Dr Abdul Latif Ahmad bersama barisan pengurusan SPNB akan memastikan penyediaan rumah mampu milik berkualiti dan mampan kepada setiap keluarga di Malaysia sejajar dengan Objektif Perumahan Negara.

Selama 20 tahun, pelbagai projek perumahan mampu milik dilaksanakan di seluruh negara. Sejar dengan matlamatnya untuk menjadi pilihan pertama rakyat dalam membangunkan rumah mampu milik yang berkualiti, SPNB melalui anak syarikat milik penuhnya, SPNB Aspirasi Sdn Bhd melancarkan fasa kediaman mampu milik dan berkualiti, Aspire Residence di Cyberjaya, Selangor dan Azalea Perdana di Ulu Sat, Machang, Kelantan.



# SPNB

## ikonik rumah mampu milik



Aspire Residence